

01 AUG 2001

Mahathir-Usahawan

BELAJAR DARIPADA ORANG LAMA DAN AMAL ETIKA YANG BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu usahawan muda belajar daripada generasi lama dan mengamalkan etika perniagaan yang baik bagi memperolehi kejayaan serta membolehkan mereka menyumbang kepada masyarakat dan kekayaan negara.

Perdana Menteri berkata usahawan muda patut menjalin usahasama di kalangan mereka dan anggota masyarakat serta membantu menyumbang ke arah kejayaan sesama mereka.

"Apa yang kami (kerajaan) hendak lihat ialah kesan berganda, kita tidak mahu negara ini mempunyai bilangan usahawan yang sama selama-lamanya. Kita mahu jumlahnya bertambah," katanya kepada ahli Persatuan Usahawan Muda Malaysia (PUMM) pada jamuan malam dan pelancaran program "Belajar Daripada Kempen Keusahawanan Malaysia", di sebuah hotel di sini malam ini.

Dr Mahathir juga mengingatkan ahli perniagaan generasi lama supaya mengajar usahawan muda mengenai etika perniagaan yang baik, amanah serta cara mengatasi kegagalan.

Katanya kerajaan mahu melihat kemunculan lebih ramai usahawan muda dengan pengetahuan yang lebih tinggi yang mampu mereka bersaing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata melalui pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi daripada generasi lama, usahawan muda yang baru boleh memperolehi lebih banyak kekayaan.

Beliau juga mengingatkan masyarakat perniagaan supaya menyumbang kepada masyarakat memandangkan masyarakat turut menyumbang kepada kejayaan mereka, dengan memakmurkan masyarakat.

Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa memberi sokongan kepada masyarakat perniagaan dengan mewujudkan persekitaran yang kondusif dan peluang-peluang perniagaan.

Dr Mahathir juga mahu masyarakat Cina yang mahir dalam bidang perniagaan membantu anggota masyarakat lain terutama Bumiputera dengan menjadikan mereka rakan perniagaan dan mendedahkan selok belok perniagaan kepada mereka.

Beliau yakin PUMM boleh menyumbang ke arah mewujudkan kemakmuran di negara ini dengan membangunkan usahawan yang berkualiti.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga melancarkan ana Asas Usahawan berjumlah RM250,000, termasuk sumbangan peribadi sebanyak RM125,000 daripada pengasas dan presiden kehormat PUMM Tan Sri Lee Kim Yew.

Dana itu bertujuan membantu usahawan kecil dan usahawan muda.

-- BERNAMA

HS HS LAT